



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 10/2020

PENGECUALIAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN DIGITAL BERKAITAN PERKHIDMATAN PERBANKAN/KEWANGAN

1. Berkuatkuasa mulai **1 Januari 2020**, perkhidmatan digital yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan tempatan adalah tertakluk kepada kenaaan cukai perkhidmatan selaras dengan item (m), Kumpulan G, Jadual Pertama Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.
2. Menteri Kewangan telah menetapkan perkhidmatan digital berkaitan perkhidmatan perbankan/kewangan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan tempatan, **tidak** tertakluk kepada cukai perkhidmatan berdasarkan seksyen 34(4) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 mulai 1 Januari 2020.
3. Penerima perkhidmatan digital berkaitan perkhidmatan perbankan/kewangan daripada penyedia perkhidmatan di para 2 adalah dikecualikan daripada membayar cukai perkhidmatan berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 34(3)(a) Akta Cukai Perkhidmatan 2018.
4. Penyedia perkhidmatan digital tempatan yang dikecualikan di para 2 adalah seperti di bawah:
 - 4.1 Bank, bank pelaburan atau mana-mana institusi kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758], Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759], Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [Akta 704] dan Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 [Akta 705];
 - 4.2 Institusi pembangunan kewangan sebagaimana ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618] atau undang-undang bertulis lain; dan
 - 4.3 Mana-mana penyedia perkhidmatan digital yang memenuhi kriteria berikut:
 - i. Merupakan orang berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018;
 - ii. Merupakan penyedia perkhidmatan digital di Malaysia; dan
 - iii. Menyediakan perkhidmatan digital berkaitan perkhidmatan berhubung pengeluaran atau pemindahan wang dari satu akaun bank ke akaun bank yang lain yang mana caj perkhidmatan dikenakan secara berasingan kepada pemegang akaun.
5. Pengecualian di atas adalah tidak terpakai kepada:
 - 5.1 Perkhidmatan digital berkaitan perkhidmatan perbankan/kewangan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan asing kepada pengguna di Malaysia;
 - 5.2 Perkhidmatan digital selain daripada perkhidmatan digital berhubung perkhidmatan perbankan/kewangan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan tempatan yang disenaraikan pada perenggan 4.1 – 4.3 di atas.

6. **Pelarasan kenaan cukai yang dikecualikan** adalah seperti berikut:

- 6.1 Jika cukai perkhidmatan yang dikenakan telah diakaunkan atas asas invoice, walaupun bayaran belum diterima ke atas perkhidmatan yang diberikan pada atau selepas 1 Januari 2020, orang berdaftar hendaklah mengeluarkan nota kredit kepada pelanggan di bawah peraturan 11(1) Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 dan membuat pelarasan di bawah peraturan 11(2) Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018; atau
- 6.2 Jika perkhidmatan diberikan bagi tempoh sebelum 1 Januari 2020 dan berterusan menjangkau 1 Januari 2020, orang berdaftar hendaklah mengenakan cukai, mengakaun dan membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan yang diberikan sebelum 1 Januari 2020 sahaja.
- 6.3 **Tiada tuntutan bayaran balik (*refund*)** cukai perkhidmatan dibenarkan kepada mana-mana orang yang telah membayar cukai perkhidmatan.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA